



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

## **SIARAN MEDIA**

### **PROGRAM MYSIHAT TVET @ POLYCC 2023 SERU WARGA POLYCC AMALKAN GAYA HIDUP YANG SIHAT**

**BALIK PULAU, 24 JUN 2023** - Program MySihat TVET @ POLYCC 2023 telah berlangsung di Politeknik Balik Pulau (PBU) hari ini dan disempurnakan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Haji Mohd Zahari Ismail. Program yang julung-julung kali diadakan ini telah mendapat penyertaan yang amat menggalakkan dalam kalangan warga POLYCC apabila lebih 150 penyertaan diterima bagi dua aktiviti sukan iaitu mendaki (hiking) dan kayuhan (cycling).

Menurut Dr. Haji Mohd Zahari Ismail ketika berucap, beliau berkata penganjuran program yang mendapat sokongan daripada Kelab Rekreasi dan Sukan (RESclub), Majlis Sukan Politeknik (MSP) dan Majlis Sukan Kolej Komuniti (MASKOM) antara lain bertujuan bagi memperkasa warga POLYCC dengan mengamalkan gaya hidup sihat melalui aktiviti fizikal.

“Melalui program ini juga, kita dapat menikmati keindahan alam flora dan fauna serta mengeratkan hubungan silaturrahim antara satu sama lain. Dengan kejayaan pelaksanaan program ini, suka saya maklumkan bahawa penganjuran program ini akan diteruskan lagi di tempat-tempat lain mengikut kepada lokasi yang sesuai”, ujarinya.

Hadir sama pada program ini ialah YBrs. Ts. Haji Muhamad Rumzi bin Mamat, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), YBrs. Ts. Abdul Razak bin Sabtu, Pengarah Bahagian Governan dan Kecemerlangan yang menjalankan tugas sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Governan), YBrs. Ts. Zainab binti Othman, Pengarah Kanan (Kompetensi), Pengarah-pengarah Bahagian JPPKK, YBrs. Dr. Salmi binti Che Meh, Pengarah PBU, Pengarah-pengarah POLYCC serta warga POLYCC.

**-TAMAT-**

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**